

Kod Amalan Kebajikan Haiwan (untuk Industri Haiwan Peliharaan)



Kod Amalan Kebajikan Haiwan (untuk Industri Haiwan Peliharaan) ini terdiri daripada:

- **Piawaian Minima** penempatan, pengurusan dan penjagaan haiwan, yang **perlu dipatuhi** oleh perniagaan haiwan peliharaan; dan
- **Amalan-amalan Terbaik** penempatan, pengurusan dan penjagaan haiwan yang mana perniagaan haiwan peliharaan **digalakkan supaya mengamalkan** bagi meningkatkan lagi taraf kebajikan haiwan di Singapura.

Ringkasan piawaian minima tersebut adalah seperti berikut:

1 TANGGUNGJAWAB PERNIAGAAN HAIWAN PELIHARAAN

- Haiwan tidak boleh ditinggalkan di mana-mana tempat tanpa aturan yang munasabah dibuat bagi penjagaan haiwan tersebut.
- Jika terdapat haiwan yang hilang, semua langkah yang munasabah harus diambil untuk mencari dan mendapatkannya semula.

2 PENYIMPANAN REKOD

- Rekod yang sewajarnya mesti disimpan bagi tujuan mengenalpasti dan mengesan haiwan tersebut.

3 KAWALAN HAIWAN PEROSAK

- Harus terdapat protokol yang betul bagi pengurusan haiwan perosak di premis untuk mencegah penyebaran penyakit.
- Apabila digunakan, kimia kawalan haiwan perosak mestilah mengikut arahan pengilang dan langkah-langkah keselamatan diambil.

4 KESELAMATAN

- Premis kedai mestilah selamat bagi haiwan dan dikunci untuk mencegah haiwan daripada melarikan diri.
- Harus terdapat plan pemindahan haiwan sekiranya berlaku kecemasan, seperti kebakaran.

14 PERHATIAN DAN RAWATAN VETERINAR

- Semua haiwan yang cedera atau tidak sihat mestilah menerima perhatian veterinar dengan segera.

13 PENCEGAHAN PENYAKIT

- Semua perniagaan haiwan peliharaan mestilah mempunyai program pencegahan penyakit yang merangkumi vaksinasi dan rawatan parasit.

12 PEMERIKSAAN & REKOD KESIHATAN

- Semua haiwan mesti dipantau setiap hari untuk memperhatikan tanda-tanda kesakitan, kecederaan atau penyakit.
- Rekod kesakitan, kecederaan atau penyakit mestilah disimpan.
- Haiwan yang kelihatan tidak sihat mesti diasingkan dan dipantau dengan lebih teliti.

11 PENGENDALIAN & PENGANGKUTAN

- Haiwan tidak seharusnya dikendalikan dengan cara yang akan menyebabkan kecederaan atau penderitaan.
- Semasa diangkut, langkah-langkah perlu diambil untuk memastikan keselesaan dan keselamatan haiwan. Air minuman yang bersih perlu disediakan apabila perlu, contohnya apabila cuaca panas atau semasa perjalanan yang jauh.
- Pengangkut yang digunakan mestilah kukuh dan saiz yang sesuai untuk membolehkan haiwan bebas bergerak.
- Haiwan tidak boleh ditinggalkan di dalam kenderaan dalam keadaan yang boleh menyebabkan tekanan haba atau penderitaan.
- Haiwan tidak boleh diangkut dalam but kereta atau mana-mana ruang tertutup dengan pengudaraan yang kurang baik.
- Kenderaan dan pengangkut yang digunakan untuk mengangkut haiwan mesti dicuci dan dibersihkan selepas diguna.



5 KEPERLUAN KANDANG PENEMPATAN

- Kandang haiwan mesti dalam keadaan baik, bersih, selamat, mempunyai pengudaraan yang baik dan memberikan perlindungan yang betul.
- Kandang mesti mempunyai ruang untuk membolehkan haiwan bergerak bebas, berpusing, berbaring, meregang dan berdiri tegak dengan kaki belakang.
- Harus terdapat kawasan yang bersih dan selesa untuk haiwan tersebut makan dan tidur.
- Penempatan yang berasingan mesti disediakan bagi yang berikut:
 - Haiwan daripada spesies yang berbeza
 - Haiwan yang sudah tua, uzur atau sakit
 - Haiwan yang agresif
 - Haiwan dengan anak yang belum cerai susu

6 PERSEKITARAN

- Haiwan tidak sepatutnya terdedah kepada bunyi bising yang berlebihan, cahaya matahari, haba, kelembapan atau angin kencang.

7 PENGEMASAN

- Tempat di mana haiwan disimpan mestilah dibersihkan, dibasmi kuman dan dipastikan kering.
- Kimia yang digunakan untuk membersihkan dan membasmi kuman mestilah tidak berbahaya kepada haiwan.

10 AKTIVITI UNTUK MENGGALAKKAN KESEJAHTERAAN UMUM

- Haiwan mesti dibolehkan bersenam dan berinteraksi dalam persekitaran yang selamat.
- Pengawasan diperlukan apabila haiwan dibolehkan berinteraksi antara satu sama lain.
- Semasa latihan, kaedah dan alat bantu yang digunakan mestilah sesuai dan tidak seharusnya menyebabkan kesakitan atau penderitaan kepada haiwan.

9 PENYEDIAAN MAKANAN

- Bekas makanan dan air mesti sentiasa bersih.
- Makanan haiwan mesti disimpan dengan betul untuk mengelakkan kemerosotan atau pencemaran.

8 DIET & MEMBERI MAKAN

- Haiwan mesti diberi makan diet yang seimbang dan berkhasiat.
- Haiwan mesti disediakan air minuman yang segar.
- Haiwan yang ditempatkan bersama mestilah mempunyai akses kepada makanan yang mencukupi.

Untuk mendapat butiran penuh mengenai Kod Amalan Kebajikan Haiwan (untuk Industri Haiwan Peliharaan), sila lungsur laluan www.ava.gov.sg/codepetindustry

